

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	17 JULY 2017

Sinar Harian  
-17/7/2017  
pg. 1

**Semua itu kini menjadi persoalan besar rakyat.**  
- Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

# APA PENDIRIAN TUN M. NAJIB

Tun Dr Mahathir Mohamad perlu jelaskan kepada rakyat sama ada masih kekal dan konsisten dengan kenyataannya bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melakukan perbuatan di luar tabii seperti didakwanya pada 1998

4

## Mahathir kena nyata pendirian

Sinar Harian - 17/7/2017 pg. 4  
Foto: BERNAMA



Najib beramah mesra dengan orang ramai pada Majlis Rumah Terbuka Umno di Dewan Tun Razak di PWTC Kuala Lumpur, semalam.

ASYRAF MUHAMMAD

**KUALA LUMPUR** - Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menjelaskan kepada rakyat sama ada masih kekal dan konsisten dengan kenyataannya bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melakukan perbuatan di luar tabii seperti didakwa pada 1998.

"Banyak persoalan berlegar dalam kepala orang ramai. Pertama, adakah Dr Mahathir masih kekal dengan kenyataan lamanya pada 1998 yang dia tuduh Anwar melakukan perbuatan luar tabii?"

"Sehinggakan dia kata Anwar ini pemimpin yang tidak ada maruah, oleh itu tidak boleh memimpin negara."

"Semua itu kini menjadi persoalan besar rakyat, sama ada tuduhan itu tidak betul pada asalnya, ataupun beliau

**INFO**

- Tuduh Anwar luar tabii
- Pemimpin tiada maruah

sanggup korbakan prinsip lamanya (demi politik)," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika Majlis Rumah Terbuka Umno 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Dalam sidang media pada 22 September 1998, Mahathir mendakwa Anwar terlibat dalam perbuatan liwat dan seorang peliwat tidak layak memimpin negara.

Najib menjelaskan, segala semua itu tidak dijawab Mahathir, orang ramai akan sangsi dan ini hanya mainan serta sandiwara politik yang tidak ikhlas.

Dalam pada itu, perdana menteri berkata, walaupun segelintir pihak yang tidak senang hati dengan Umno dan kerajaan, pelbagai usaha telah sedang dilakukan untuk membawa negara ke tahap membanggakan.

Jelasnya, situasi ini adalah lebih baik berbanding kem pembangkang yang masih tidak jelas dan kelam-kabut dalam menentukan siapa yang mempunyai kuasa penentu manakala hala tuju politik yang kabur.

Najib turut mengingatkan rakyat agar tidak meletakkan negara dalam risiko sekiranya memilih Pakatan Harapan pada PRU14.

Katanya, gabungan Pakatan Harapan kini dilihat gagal menunjukkan hala tuju jelas berbanding Umno-BN yang membawa kejayaan kepada negara.